

FAKTOR YANG MENDORONG MAHASISWA IPT MEMBUAT KERJA SAMBILAN

Suhaila Nadzri

Rabi'atul 'Adawiyah Seh Nilamuddin

Nuzul Akhtar Baharudin

Siti Syuhada Abd Rahman

Jabatan Ekonomi dan Pengurusan,

Fakulti Pengurusan dan Muamalah,

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Malaysia

suhaila.nadzri@kuis.edu.my, rabiatuladawiyah1808@gmail.com

nuzulakhtar@kuis.edu.my, sitisyuhada@kuis.edu.my

ABSTRAK

Melihat senario semasa kenaikan kos hidup di Malaysia kesan daripada kenaikan harga barang dan perkhidmatan menyebabkan banyak pihak termasuk mahasiswa di negara ini terpaksa memilih membuat kerja sambilan untuk menampung perbelanjaan sehari-hari mereka. Justeru objektif kertas kerja ini untuk mengkaji faktor-faktor yang mendorong mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) membuat kerja sambilan. Terdapat empat faktor yang difokuskan dalam kajian ini iaitu faktor masalah kewangan, mencari pengalaman, mengisi masa lapang dan pengaruh rakan sebaya. Data diperolehi secara rawak melalui agihan borang soal selidik sebanyak 360 borang kepada responden yang terdiri daripada mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan seramai 282 responden telah mengembalikan borang soal-selidik tersebut dengan lengkap. Data dianalisis menggunakan '*Statistic Package for Social Science (SPSS) For Windows Version 20 SPSS*' dan dianalisa menggunakan analisis deskriptif, korelasi dan regresi mudah. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengaruh rakan sebaya dan faktor masalah kewangan dengan penglibatan mahasiswa dalam kerja sambilan. Manakala melalui analisis regresi didapati faktor yang paling dominan yang mendorong mahasiswa terlibat dalam kerja sambilan adalah faktor pengaruh rakan sebaya. Dalam kajian ini juga pengkaji ada mengusulkan beberapa cadangan yang boleh di ambil oleh pelbagai pihak dalam mengatasi pemasalahan ini.

Kata kunci: *Mahasiswa, kerja sambilan, pendorong, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

1. Latar Belakang Kajian

Pendidikan merupakan sektor penting di semua negara terutamanya dengan wujudnya tekanan yang tinggi untuk bersaing dalam pasaran global yang memerlukan tenaga kerja mahir. Namun begitu, semenjak tahun 1980an, pembiayaan pendidikan tinggi tidak lagi ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan di kebanyakan negara. Dasar kerajaan telah diubah untuk memastikan mahasiswa juga menanggung kos pembiayaan pendidikan tinggi. Ini bermakna mahasiswa perlu mendapatkan sumber kewangan yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan yang diperlukan selama menuntut di Institusi Pengajian Tinggi. Implikasi daripada senario ini, ketidakupayaan mahasiswa atau keluarga mereka untuk mendapatkan sumber pembiayaan akan menyebabkan mahasiswa yang berkelayakan tidak mampu melanjutkan pengajian. Ia juga akan membawa kesan negatif terhadap ekonomi kerana rakyat yang berpendidikan merupakan pelaburan dan aset yang penting bagi negara (Lane, 2003).

Selain itu beberapa kajian mengenai dana dan perbelanjaan mahasiswa telah dijalankan di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat di peringkat sebuah institusi pengajian dan juga di peringkat kebangsaan oleh agensi yang dilantik oleh kerajaan (Callender dan Kemp, 2000). Kajian-kajian ini mendapati bahawa sumber utama pembiayaan mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi ialah sumbangan ibu bapa dan pinjaman mahasiswa. Selain itu, mahasiswa juga mendapat pendapatan dengan bekerja secara sambilan atau sepenuh masa menggunakan wang simpanan atau mendapatkan sumber-sumber lain seperti subsidi, geran dan pinjaman bank.

Konsep mahasiswa yang terlibat dalam pekerjaan sambilan semasa belajar adalah perkara yang biasa di negara-negara seperti Australia dan UK. Menurut Barron (2006), hampir sembilan dari sepuluh pelajar yang menuntut dalam pengurusan hospitaliti dan pelancongan di universiti Australia samaada bekerja sambilan ataupun sepenuh masa.

Malah, fenomena mahasiswa bekerja ini sudah menjadi satu sistem pendidikan di Amerika Syarikat di mana para mahasiswanya digalakkan bekerja. Rasionalnya, mahasiswa dibiasakan dengan kehidupan sebenar apabila tamat belajar kelak. Utusan Malaysia Online menyatakan bahawa dengan bekerja, mahasiswa mempunyai sikap berdikari, berani membuat keputusan disamping menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Malahan bekerja sambilan juga mengajar mahasiswa mencari wang sendiri di samping mengatur perbelanjaan diri sendiri (Utusan Malaysia Online, 6 Ogos 2008). Menurut Datuk Muhammad Alias yang juga merupakan bekas seorang diplomat yang kini bermastautin di Los Angeles, Amerika Syarikat menyatakan bahawa pengalaman bekerja walaupun di kedai runcit, restoran McDonald's atau Kentucky Fried Chicken boleh membantu seseorang calon ketika memohon pekerjaan nanti. Budaya belajar sambil bekerja telah bermula sejak bergenerasi (Utusan Malaysia Online, 6 Ogos 2008).

Manthei & Gilmore (2005) pula menyatakan terdapat faedah untuk mahasiswa bekerja sambilan di mana ia meningkatkan prestasi akademik mereka. Sebagai contoh, beberapa kajian menunjukkan kesan positif terhadap pelajar yang melakukan kerja sambilan pada keputusan peperiksaan mereka, pelajar yang bekerja sambilan didapati mempunyai purata nilai gred (GPA) lebih tinggi berbanding mereka yang tidak melakukan kerja sambilan.

Justeru, kajian ini dijalankan bagi membantu beberapa pihak terutamanya kepada para mahasiswa, ibu bapa, pihak Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor serta pihak

Kementerian Pengajian Tinggi dalam mengambil pendekatan yang proaktif dalam menyelesaikan masalah ini. Hasil kajian ini juga bertujuan menerapkan sifat bertanggungjawab terhadap mahasiswa IPT terutama sekali mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor dalam membahagikan masa dengan betul antara akademik dan bekerja serta mampu menguruskan kewangan dengan baik.

Permasalahan Kajian

Peningkatan ekonomi pada masa kini telah menyebabkan ramai mahasiswa terpaksa melakukan kerja sambilan bagi menampung perbelanjaan harian, yuran dan sebagainya. Sinar Harian Online menyatakan bahawa kekurangan wang untuk belajar juga memaksa mahasiswa untuk bekerja secara sambilan (*Cabarani Baru Mahasiswa - Kampus - Sinar, 2016*). Sekiranya hal sedemikian berlanjutan, mampukah negara melahirkan mahasiswa yang berkualiti akademiknya dan sentiasa cemerlang tanpa mengabaikan kerja-kerja yang menjadi tanggungjawab mereka sebagai seorang mahasiswa. Sekiranya mahasiswa mempunyai banyak komitmen, bagaimana mereka boleh memikul tanggungjawab sebagai mahasiswa dan pekerja dalam masa yang sama.

Walaupun bekerja sambilan dilakukan di luar masa pembelajaran, tetapi kesannya terhadap prestasi pelajar memang tidak dapat dielakkan. Pada asasnya, mahasiswa memerlukan masa untuk berehat dan mereka juga perlu melibatkan diri dalam aktiviti luaran di kampus untuk menjana pelajar yang bukan sahaja berpelajaran tetapi juga bersahsiah baik. (Noor Azman 2005, Awab 2003, Fauziah 2003). Gaya pembelajaran pelajar sering dikaitkan dengan tahap pencapaian pelajar. Perkara ini disokong oleh Mashitah (2011) yang mengatakan bahawa keciciran pelajar boleh dikaitkan dengan gaya pembelajaran di mana terlalu sedikit pelajar di dedahkan dengan gaya pembelajaran yang betul dan kebanyakan pelajar keliru dan terdedah kepada pengaruh rakan sebaya. Bekerja sambilan dilakukan di luar masa pembelajaran, tetapi kesannya terhadap prestasi pelajaran pelajar memang tidak dapat dielakkan.

Sebilangan besar mahasiswa mengakui bahawa pelajaran terjejas akibat melakukan kerja sambilan kerana terlalu kurang masa untuk mengulang kaji pelajaran, selalu letih dan mengantuk. Disebabkan hal sedemikian, mahasiswa tidak dapat menyiapkan tugas dengan sempurna kerana tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian kepada pengajar semasa proses pembelajaran dan bertindak seperti tidak peduli di dalam kelas dan pengajar (Noraziah Ali, Ranimah Yusuf dan Hasnah Ali, 2008). Hal ini menyebabkan terjejasnya disiplin mahasiswa terhadap tanggungjawab mereka sebagai penuntut di kolej.

Malah, ramai penyelidik yang telah memberikan penjelasan terhadap kesan-kesan negatif terhadap pelajar yang melakukan kerja sambilan. Antaranya ialah kurang menghabiskan masa untuk belajar (Hall, 2010; Moreau dan Leathwood, 2006) dan juga kurang mnghadiri kelas (Curtis, 2007) yang selalu lewat ke kelas (Metcalf, 2003) yang mempunyai kesukaran menumpukan perhatian dalam kelas (Curtis & William, 2002), menggunakan kurang daripada kemudahan universiti termasuk perpustakaan dan makmal komputer (Lundberg, 2004), dan kerap kelihatan letih (Curtis, 2007). Contohnya, sesetengah kajian menunjukkan kesan negatif daripada pekerjaan sambilan pelajar pada purata nilai gred (GPA) yang dibandingkan dengan pelajar yang tidak bekerja sambilan

didapati mempunyai lebih tinggi prestasinya dalam akademik berbanding pelajar yang bekerja (Callender, 2008).

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dibuat untuk:

1. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa KUIS melakukan kerja sambilan.
2. Mengenalpasti faktor yang paling dominan yang mempengaruhi mahasiswa KUIS bekerja sambilan.

Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian diatas, kajian ini akan menjawab persoalan kajian seperti berikut:

1. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa KUIS melakukan kerja sambilan?
2. Apakah faktor yang paling dominan yang mempengaruhi mahasiswa KUIS bekerja sambilan?

Skop Kajian

Skop kajian ini hanya fokus kepada empat faktor iaitu masalah kewangan, mencari pengelaman, mengisi masa lapang dan pengaruh rakan sebaya yang menyumbang mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor melakukan kerja sambilan. Faktor-faktor lain tidak dikaji dalam kajian ini yang mungkin turut juga mempengaruhi mahasiswa membuat kerja sambilan.

2. Kajian Literatur

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, kerja sambilan bermaksud kerja yang dibuat (secara sambilan) di samping kerja biasa atau kerja tetap yang lain. Sebenarnya kerja sambilan ini merujuk kerja sementara yang biasanya dilakukan oleh golongan mahasiswa terutama ketika musim cuti semester (Kamus Dewan Edisi Keempat). Kerja ini turut dilakukan oleh golongan tua dan wanita atas dasar untuk menambah pendapatan atau membantu suami menyara keluarga. Sememangnya kerja sambilan wajar dilakukan oleh mahasiswa kerana sudah menjadi satu gaya hidup moden tetapi gaya ini turut mencetuskan pelbagai impak terhadap mahasiswa.

Selain itu, berdasarkan kajian Awab Said & Sufean Hussin (2006), terdapat beberapa jenis pekerjaan yang biasanya diceburi oleh pelajar sekolah, antaranya seperti

bekerja sebagai pelayan di restoran, jurujual atau pekerja am di pusat membeli belah, dan pekerja hotel.

Selain itu, terdapat juga pelajar sekolah yang berkerja sebagai pembantu di gerai makan, pembantu di kedai runcit, berniaga di pasar malam, menjual telefon bimbit, memberi tuisyen, bekerja di kafe siber, memasang khemah, melakukan kerja-kerja pendawaian, menyediakan makanan (*catering*), dan mencuci kereta. Kemajuan dalam bidang perhotelan dan penyediaan makanan menyebabkan kebanyakan pelajar banyak menceburkan diri dalam bidang pekerjaan seperti ini. Restoran makanan segera seperti *Kentucky Fried Chicken*, *McDonald's*, *Pizza Hut* merupakan antara tempat utama pelajar bekerja sambilan kerana tempat-tempat seperti ini banyak menyediakan peluang pekerjaan secara sambilan. Begitu juga dengan kewujudan pasar raya yang semakin lama semakin banyak seperti Carrefour, Aeon, Tops, Giant, dan Tesco juga banyak menyediakan peluang pekerjaan secara sambilan. Ini mendorong lagi mereka untuk mencuba bidang pekerjaan kerana mereka boleh bekerja mengikut masa lapang mereka.

Faktor-faktor yang Mempengaruhi Mahasiswa Membuat Kerja Sambilan

I) Masalah Kewangan

Menurut Awad Said dan Sufean Hussin (2006) sumber kewangan dan kenaikan kos hidup menjadi faktor utama pelajar bekerja sambilan bukan sahaja di Malaysia juga di luar negara. Daripada sudut yang lain, Sudah pasti kelebihan ketara bekerja secara sambilan ini ialah aspek kewangan. Mahasiswa mempunyai wang mereka sendiri yang memberi sedikit kepuasan dalam hidup. Menurut Finnie (2002), perasaan mampu membeli sesuatu atas kemampuan kewangan sendiri sememangnya membawa satu perasaan yang tidak dapat diuraikan. Jelaslah, kerja sambilan memberi satu kepuasan kewangan yang begitu tinggi kepada mahasiswa. Tambahan pula, pendapatan mahasiswa datangnya daripada beberapa sumber seperti simpanan pelajar, sumbangan ibu bapa, biasiswa, bantuan daripada institusi pengajian, pinjaman pelajar dan sumber-sumber bantuan kewangan yang lain.

Daripada sudut yang lain, penerima biasiswa atau pinjaman berada dalam situasi yang sama iaitu perlu menggunakan wang dengan sebaik-baiknya untuk tujuan pelajaran. Akan tetapi pada era sekarang, wang biasiswa sahaja tidak mencukupi untuk memenuhi kelengkapan dari segi keperluan dan kehendak mahasiswa. Menurut laporan akhbar Berita Harian bertarikh 8 Julai 2010 terdapat sebahagian mahasiswa yang menerima pinjaman PTPTN dikatakan menggunakan wang pinjaman dengan membeli pakaian mewah dan telefon bimbit, berfoya-foya dan melabur dalam saham setelah menerima wang pada awal semester. Kesannya, mahasiswa menghadapi masalah kewangan sehingga menjaskan tumpuan kepada pelajaran kerana terpaksa membahagikan masa belajar juga masa untuk bekerja sambilan. Selain itu, menurut Pengurus PTPTN, Datuk Dr Mohammad Shahrum Osman pemberian pinjaman kepada para mahasiswa berdasarkan kepada perkiraan dalam pelbagai aspek termasuk tahap sosioekonomi mahasiswa. Sikap mahasiswa yang kurang berhemah berbelanja dikaitkan dengan wang yang tidak mencukupi.

2) *Mencari Pengalaman*

Manthei dan Gilmore (2005) menemui bahawa majoriti pelajar mereka, lapan dari sepuluh orang yang dikaji terlibat dalam pekerjaan sambilan, sekurang-kurangnya memegang satu pekerjaan selama 14 jam seminggu. Dari perspektif pelajar, kerja sambilan adalah pengenalan kepada dunia pekerjaan dan pengalaman yang dapat membantu mereka dalam kerjaya dan keperibadian. Ini menyokong kajian oleh Beard (1995) yang mendapati bahawa dunia pekerjaan perlu dikait rapat dengan pendidikan tinggi, melalui tempoh rasmi pengalaman kerja yang diselia atau lebih formal melalui pelajar sambilan yang berpengalaman.

Selain itu kerja sambilan dapat membantu pelajar menampung perbelanjaan untuk keperluan asas, meringankan beban kewangan ibu bapa mereka, meningkatkan kebolehan dalam bekerja selepas tamat pengajian, menawarkan peluang kepada pelajar untuk mendapatkan kemahiran dan mempelajari pengetahuan baru, meningkatkan komunikasi mereka dengan orang atasan, rakan-rakan dan pelanggan, dan menyediakan satu dimensi tambahan kepada kehidupan sosial mereka (Callender, 2008; Curtis, 2007).

Di lihat dari sudut Perubahan ekonomi ia boleh dikaitkan dengan perubahan mobiliti kehidupan masyarakat di Malaysia. Proses perubahan ekonomi telah menyebabkan masyarakat juga semakin lama semakin mahu meninggikan mobiliti kehidupan mereka. Lantaran itu, mahasiswa yang belum berupaya untuk menjawat apa-apa jawatan yang selesa selalu mengambil peluang untuk mencuba melakukan kerja-kerja sambilan untuk meningkatkan kualiti hidup mereka melalui gaji yang mereka perolehi selepas bekerja sambilan. Kebaikan berkerja sambilan merujuk teguh kepada nilai-nilai dan bagaimana mereka akhirnya akan memberi kesan kepada individu terhadap apa yang menarik samaada wajar ataupun tidak. Dalam konteks ini Ediagbonya (2013) mengenal pasti budaya, keluarga, rakan-rakan, kolej, mentor dan pengalaman kerja sebelumnya sebagai faktor yang kuat mempengaruhi nilai-nilai peribadi dan persepsi kebaikan terhadap individu.

Malah bekerja sambilan ini penting bagi mahasiswa yang belajar program vokasional tertentu. Ini disokong oleh McKechnie (1999) yang mendapati bahawa mahasiswa secara langsung boleh dikaitkan dengan adanya pengalaman bekerja sambilan yang akan menambah baik pengetahuan akademik, motivasi akademik dan prospek pekerjaan.

3) *Mengisi Masa Lapang*

Menurut Tamar Jaya & Nor Syahidah (2010) pelajar boleh bekerja secara sambilan jika mempunyai masa lapang selepas kelas atau pada waktu cuti dan ianya sangat bagus jika sesuai dengan bidang yang dipelajari dan dapat mengelak pelajar daripada terlibat dengan aktiviti tidak sihat. Dapatkan oleh Rahimah Yusof & Norziah Ali (2006) yang mendapati pelajar membuat kerja sambilan selepas habis sekolah atau pada cuti hujung minggu atau cuti sekolah.

Malah, bagi sesetengah mahasiswa, mereka diberi tanggungjawab untuk menguruskan perbelanjaan harian mereka sendiri dan mereka tidak lagi memohon wang daripada ibubapa. Lantaran itu mereka terpaksa bekerja keras di samping belajar dan mereka tidak mempunyai masa lapang untuk melepak atau membuat kerja-kerja tidak berfaedah. Budaya seperti ini patut digalakkan di Malaysia. Dipercayai kegiatan lumba

haram dan lain-lain tidak akan wujud sekiranya para belia Malaysia termasuk para mahasiswa menghabiskan masa dengan bekerja. Dengan cara ini juga, Malaysia boleh mengurangkan import pekerja-pekerja asing (Utusan Malaysia Online, 6 Ogos 2008).

4) Pengaruh Rakan Sebaya

Keperluan dalam memenuhi kehendak dan kepentingan setiap individu dalam sesuatu masyarakat itu telah menyebabkan tercetusnya perasaan saling memerlukan dantolong-menolong antara satu sama lain. Dalam menempuh kejayaan pula, sememangnya rakan-rakan memberi pengaruh yang besar disamping membantu untuk mencapai kejayaan. (Mustafa Haji Daud, 1996). Segelintir pelajar pelajar terlibat dengan kerja sambilan kerana terpengaruh dengan rakan yang telah bekerja (Awab Said, 2003; Awab Said & Sufean Hussin, 2006).

Namun, mahasiswa yang melakukan kerja sambilan tersebut harus sedar bahawa rakan mereka juga mempunyai tanggungjawab dan kerja yang banyak untuk diselesaikan. Masalah timbul apabila kerja yang diberikan tidak disiapkan dan hanya mahasiswa lain yang sentiasa menyiapkan kerja yang diberikan sedangkan ia merupakan kerja kumpulan. Hal yang demikian akan menimbulkan kesulitan kepada rakan-rakan lain.

Hipotesis Kajian

Berdasarkan kajian literature di atas terdapat 4 hipotesis yang dijangkakan dalam kajian ini iaitu:

- H1 = Terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah kewangan dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan.
- H2 = Terdapat hubungan yang signifikan di antara mencari pengalaman dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan.
- H3 = Terdapat hubungan yang signifikan di antara mengisi masa lapang dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan.
- H4 = Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan.

3. Metodologi

Populasi kajian terdiri daripada 8165 orang mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang dipilih secara rawak. Sebanyak 360 set borang soal selidik telah diedarkan kepada responden. Namun hanya 282 responden yang mengembalikan borang dengan lengkap. Data dianalisa menggunakan Perisian SPSS versi 20.0 dengan menggunakan analisis deskriptif, korelasi dan regresi untuk melihat hubungan antara faktor yang menyumbang mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

(KUIS) membuat kerja sambilan dan mengenalpasti faktor paling dominan yang menyebabkan mahasiswa membuat kerja sambilan.

4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis Demografi Responden

Analisis daripada Jadual 1 di bawah menunjukkan seramai 45 (16.0%) orang responden mempunyai pendidikannya di peringkat Asasi. Seramai 72 (25.5%) orang responden di tahap Diploma. Seterusnya, terdapat seramai 20 (7.1%) orang responden yang berkelulusan di peringkat Ijazah. Manakala kekerapan yang tertinggi dalam taburan latar belakang pengajian adalah seramai 144 (51.1%) orang responden yang pendidikannya ditahap Ijazah Sarjana Muda dan akhir sekali, terdapat seorang responden (0.4%) yang berpendidikan di peringkat PhD.

Jadual 1

Taburan Latar Belakang Pengajian Responden

Latar Belakang Pengajian	Frequency	Percent (100%)
Asasi	45	16.0
Diploma	72	25.5
Ijazah	20	7.1
Ijazah Sarjana Muda	144	51.1
PhD	1	.4
Jumlah	282	100.0

Berdasarkan Jadual 2, analisis mendapati 45 (16.0%) orang responden adalah mahasiswa yang mendapat tajaan atau pinjaman daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), manakala seramai 121 (42.9%) orang responden adalah mahasiswa yang mendapat tajaan atau pinjaman daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Seterusnya, seramai 3 (1.1%) orang responden adalah mahasiswa yang mendapat tajaan atau pinjaman daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), seramai 18 (6.4%) orang responden adalah mahasiswa yang mendapat tajaan daripada ZAKAT Selangor, manakala, seramai 62 (22.0%) orang responden adalah mahasiswa yang ditaja oleh ibubapa sendiri. Selebihnya, seramai 33 (11.7%) orang responden adalah mahasiswa yang mendapat tajaan selain dari yang dinyatakan oleh pengkaji didalam borang soal selidik. Kebanyakkannya mahasiswa yang mendapat tajaan selain yang diletakkan oleh pengkaji adalah tajaan daripada Karangkraf, dan Tabung Tajaan Kuis (TTK).

Jadual 2. Taburan Tajaan Pendidikan Responden

Tajaan Pendidikan	Kekerapan	Peratus (100%)
MARA	45	16.0
PTPTN	121	42.9
JPA	3	1.1
Zakat	18	6.4
Ibubapa	62	22.0
Selain yang dinyatakan	33	11.7
Jumlah	282	100.0

Merujuk Jadual 3, analisis terhadap purata perbelanjaan bulanan responden menunjukkan bahawa seramai 14 (5.0%) orang responden yang berbelanja kurang dari RM99.00 dalam masa sebulan, seramai 79 (28.0%) orang responden yang berbelanja dari RM 100.00 hingga RM 299.00 dalam masa sebulan. Manakala seramai 82 (29.1%) orang responden berbelanja sebanyak RM200.00 hingga RM299.00 dalam masa sebulan, 57 (20.2%) orang responden yang berbelanja sebanyak RM300.00 hingga RM399.00 untuk sebulan dan seramai 50 (17.7%) orang responden yang berbelanja melebihi RM400.00 dalam masa sebulan.

Jadual 3. Taburan Purata Perbelanjaan Bulanan Responden

Purata Perbelanjaan Bulanan	Kekerapan	Peratus (100%)
Kurang dari RM99	14	5.0
RM100-RM299	79	28.0
RM200-RM299	82	29.1
RM300-RM399	57	20.2
Melebihi RM400	50	17.7
Jumlah	282	100.0

Analisis kebolehpercayaan

Berdasarkan Jadual 4 menunjukkan pengkaji menggunakan pekali kebolehpercayaan intrumen melalui ujian Alpha Cronbach untuk mengetahui kebolehpercayaan instrument kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji. Hasil yang didapati menunjukkan data kajian yang diperoleh adalah .875 diterima kebolehpercayaannya dan responden telah menunjukkan kekerapan jawapan yang relevan dengan data yang diperlukan oleh pengkaji. Maka, instrument ini boleh dipercayai.

Kebolehpercayaan merupakan darjah ketepatan dan perisian bagi tahap ukuran yang dibuat oleh sesuatu instrument kajian. Tahap kebolehpercayaan yang boleh diguna pakai adalah 0.75 (Wan Muhamad, Nor Azlida, dan Norizan, 2012). Berdasarkan jadual diatas, menunjukkan keputusan ujian kebolehpercayaan adalah tinggi.

Jadual 4. Analisis Kebolehpercayaan

Alpha Cronbach	N Bilangan
.875	35

Jadual 5 menunjukkan semua soalan yang digunakan di dalam soal selidik adalah didapati kebolehpercayaan yang boleh diterima iaitu daripada 0.724 sehingga 0.986. Nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima adalah 0.7 ke atas. Untuk soalan pembolehubah yang bersandar yang pertama iaitu masalah kewangan, didapati nilai Alpha Cronbach 0.734, 0.738 pula untuk soalan pembolehubah yang bersandar yang kedua iaitu soalan mencari pengalaman. Manakala, nilai Alpha Cronbach untuk soalan pembolehubah bersandar yang ketiga iaitu soalan mengisi masa lapang pula, nilainya adalah 0.793. 0.802 nilai untuk soalan pembolehubah bersandar yang keempat iaitu soalan berkaitan pengaruh rakan sebaya. Akhir sekalai, 0.986 pula nilai Alpha Cronbach untuk soalan pembolehubah tidak bersandar iaitu soalan mahasiswa IPT yang membuat kerja sambilan.

Jadual 5. Analisis Kebolehpercayaan Pembolehubah

Pembolehubah	No. item	Alpha Cronbach
Masalah Kewangan	7	.724
Mencari Pengalaman	7	.738
Mengisi Masa Lapang	7	.793
Pengaruh Rakan Sebaya	7	.802
Mahasiswa IPT membuat kerja sambilan	7	.986

Kolerasi

Ujian kolerasi digunakan untuk menegnalpasti hubungan setiap pembolehubah. Ujian ini adalah untuk mengenalpasti kekuatan hubungan setiap pembolehubah samaada kuat ataupun tidak. *Pearson's Correlation* digunakan oleh pengkaji untuk menganalisis hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Pembolehubah bersandar adalah mahasiswa IPT membuat kerja sambilan. Pembolehubah tidak bersandar dalam kajian ini adalah masalah kewangan, mencari pengalaman, mengisi masa lapang dan pengaruh rakan sebaya.

Jadual 6 dibawah merupakan kadar kekuatan setiap kolerasi:

Jadual 6. Kadar Kekuatan Setiap Kolerasi

.8 dan 1.0	Sangat kuat
.6 dan .8	Kuat
.4 dan .6	Sederhana
.2 dan .4	Lemah
.0 dan .2	Sangat Lemah

(Sumber: Fauzi Hussin et al., 2014).

Jadual 7. Analisa Korelasi Keseluruhan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Mahasiswa Membuat Kerja Sambilan

		Masalah Kewangan	Mencari Pengalaman	Mengisi Masa Lapang	Pengaruh Rakan Sebaya
Mahasiswa IPT membuat kerja sambilan	Kolerasi Pearson Sig. (2-tailed) N	.443** .000 282	.355** .000 282	.324** .000 282	.527** .000 282

Hipotesis 1: Terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah kewangan dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan.

Daripada analisis Jadual 7 dapat dilihat hasil dapatan kajian menunjukkan nilai kolerasi ($r = .443$, $p < 0.01$) hubungan yang positif yang sederhana diantara faktor masalah kewangan dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan. Dapatan ini menggunakan hubungan signifikan pada aras 0.05(2-tailed). Ini menunjukkan masalah kewangan mendorong mahasiswa KUIS melakukan kerja sambilan. Ini menyokong dapatan kajian Nizar et al, 2010; Awab Said 2003, Finnie, 2002;

Hipotesis 2: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor mencari pengalaman dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan.

Dapatan kajian menunjukkan nilai korelasi ($r = .355$, $p < 0.01$) yang bermakna terdapat hubungan positif yang lemah di antara faktor mencari pengalaman dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan. Ini menjelaskan bahawa faktor mencari pengalaman turut mempengaruhi mahasiswa IPT membuat kerja sambilan. Ini selari dengan dapatan kajian Ediagbonya, 2013; Manthei & Gilmore, 2005; Curtis dan Lucas, 2001; dan McKechnie, 1999.

Hipotesis 3: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor mengisi masa lapang dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan.

Daripada analisis Jadual 7 di atas menunjukkan nilai kolerasi ($r = .324, p < 0.01$) yang bererti terdapat hubungan yang positif yang lemah diantara faktor mengisi masa lapang dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan dan ianya mempunyai hubungan signifikan pada aras 0.05 (2-tailed). Selari dengan daptatan kajian Tamar Jaya & Nor Syahidah (2010) dan Rahimah Yusof & Norziah Ali (2006).

Hipotesis 4: Terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor pengaruh rakan sebaya dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan.

Daripada analisis Jadual 7 di atas menunjukkan nilai kolerasi ($r = .527, p < 0.01$) yang bermakna terdapat hubungan positif yang sederhana di antara faktor pengaruh rakan sebaya dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan dan hubungan ini signifikan pada aras 0.05(2-tailed). Dapatan ini menunjukkan pengaruh rakan sebaya sangat mendorong mahasiswa KUIS melakukan kerja sambilan berbanding faktor-faktor lain yang dikaji oleh penyelidik dalam kajian ini. Dapatan ini menyokong daptatan kajian yang lepas iaitu Awab Said & Sufean Hussin, 2006; dan Awab Said, 2003.

Jadual 8. Ringkasan Hipotesis

Hipotesis	Keputusan
H ₁ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara masalah kewangan dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan	Diterima
H ₂ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara mencari pengalaman dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan	Diterima
H ₃ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara mengisi masa lapang dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan	Diterima
H ₄ : Terdapat hubungan yang signifikan di antara pengaruh rakan sebaya dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan	Diterima

Analisis regresi

Faktor paling dominan yang mendorong mahasiswa Kolej Universiti Islam Antarabangsa (KUIS) membuat kerja sambilan

Berdasarkan Jadual 9, menunjukkan kesemua faktor yang dikaji (pemboleh ubah tidak bersandar) memberi pengaruh sebanyak 36.2 peratus ke atas mahasiswa IPT melakukan kerja sambilan. Hal ini jelas dapat diperhatikan nilai $R^2 = 0.362$. jika dilihat nilai R^2 yang diselaraskan (adjusted) pula, keputusan bacaan menunjukkan bacaan yang lebih rendah iaitu $R^2 = 0.353$. Secara keseluruhannya, pembolehubah yang tidak bersandar mempunyai pengaruh yang signifikan dengan mahasiswa IPT membuat kerja sambilan di mana nilai F = 39.212 dan signifikan pada tahap 0.000 iaitu boleh dilihat dalam Jadual 10.

Jadual 9. Keputusan Analisis Regresi

Model Summary

Model	R	R Square	Adjusted R Square	Std. Error of the Estimate
1	.602 ^a	.362	.353	3.23712

- a. Predictors: (Constant), Pengaruh Rakan Sebaya, Mencari Pengalaman, Mengisi Masa Lapang, Masalah Kewangan
- b. Dependent Variable : mahasiswa IPT membuat kerja sambilan

Jadual 10

ANOVA^a

Model		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
1	Regression	1643.611	4	410.903	39.212	.000 ^b
	Residual	2892.182	276	10.479		
	Total	4535.794	280			

- a. Dependent Variable: Mahasiswa IPT melakukan kerja sambilan
- b. Predictors: (Constant), Pengaruh Rakan Sebaya, Mencari Pengalaman, Mengisi Masa Lapang, Masalah Kewangan

Jadual 11 menunjukkan hasil analisis regresi bagi setiap pembolehubah bersandar kajian. Jadual ini menunjukkan kesemua pembolehubah yang tidak bersandar iaitu masalah kewangan, mencari pengalaman, mengisi masa lapang dan pengaruh rakan sebaya sangat mempengaruhi pembolehubah bersandar iaitu mahasiswa IPT melakukan kerja sambilan. Ini berdasarkan aras signifikan yang ($p < 0.05$) untuk semua pembolehubah tidak bersandar.

Jadual 11

Keberkesanan^a

Model	Unstandardized Coefficients		Standardized Coefficients Beta	t	Sig.
	B	Std. Error			
1 (Constant)	9.188	1.668		5.508	.000
Masalah Kewangan	.201	.049	.231	4.102	.000
Mencari Pengalaman	.149	.057	.139	2.602	.010
Mengisi Masa Lapang	.017	.049	.019	.342	.732
Pengaruh Rakan Sebaya	.310	.045	.389	6.893	.000

- a. Pembolehubah Bersandar: Mahasiswa IPT membuat kerja sambilan

Namun, pembolehubah tidak bersandar yang paling mempengaruhi adalah pengaruh rakan sebaya. Ini ditentukan dengan merujuk bacaan Beta = 0.389 antara yang paling tinggi nilainya daripada nilai pembolehubah tidak bersandar yang lain. Bacaan nilai beta (B) dapat menjelaskan bahawa kekuatan pengaruh rakan sebaya adalah yang paling mempengaruhi mahasiswa IPT membuat kerja sambilan di mana B = 0.310. Pengaruh kedua tertinggi adalah masalah kewangan di mana B = 0.201, ketiga tertinggi adalah mencari pengalaman di mana B = 0.149 dan akhir sekali adalah mengisi masa lapang di mana B = 0.017.

5. Perbincangan, Cadangan dan Rumusan

Berdasarkan dapatan kajian didapati bahawa faktor pengaruh rakan sebaya adalah faktor paling dominan yang mendorong mahasiswa IPT melakukan kerja sambilan berbanding dengan faktor-faktor yang lain. Pengaruh rakan sebaya adalah faktor yang paling signifikan yang mendorong mahasiswa melakukan kerja sambilan diikuti faktor masalah kewangan, mencari pengalaman dan akhir sekali faktor mengisi masa lapang. Ini memberi gambaran bahawa seorang mahasiswa banyak dipengaruhi oleh rakan sebaya dalam membuat kerja sambilan.

Pengaruh rakan sebaya boleh dikategorikan dalam dua jenis iaitu positif atau negatif. Sebagai rakan, semestinya memberi pengaruh yang baik kepada rakan yang lain dan mendapat kebaikan bersama. Ini amat penting bagi memastikan mahasiswa tidak salah pilihan semasa masih dalam pengajian dan tidak memberikan kesan-kesan yang negatif terhadap pembelajaran dan kehidupan. Selain itu mahasiswa yang membuat kerja sambilan ini perlu bijak menguruskan masa agar prestasi akademik mereka tidak terjejas kerana melakukan kerja sambilan.

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan ini boleh memberikan beberapa implikasi seperti di bawah:

i. Implikasi terhadap mahasiswa

Implikasi kajian ini terhadap mahasiswa dapat membantu memberi kesedaran tentang kepentingan atau keburukan apabila seseorang mahasiswa itu terlibat dengan kerja sambilan. Kajian ini juga dapat memberi panduan kepada mahasiswa yang ingin bekerja bagaimana untuk membahagikan masa bekerja dan belajar tanpa mengabaikan pelajaran atau tugasannya mereka.

ii. Implikasi terhadap Ibu Bapa

Kajian ini juga memberi implikasi terhadap ibubapa untuk mengetahui masalah anak-anak mereka dan berusaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Selain itu, diharapkan ibubapa dapat membantu memberi motivasi yang berterusan kepada mahasiswa yang bekerja supaya matlamat untuk belajar tidak akan tersasar.

iii. Implikasi terhadap Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

Kajian ini juga penting untuk diteliti oleh pihak pentadbiran Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) lantaran hasil kajian berkaitan dengan masalah mahasiswa yang terpaksa bekerja untuk mencari dan menambah duit keperluan mereka. Diharapkan pihak KUIS dapat menyusun tindakan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mahasiswa yang memerlukan. Kajian ini juga mampu membantu pihak KUIS mengetahui apakah faktor yang menyebabkan mahasiswa bekerja dan bagaimana untuk membantu menyelesaikan masalah mahasiswa yang bekerja.

iv. Implikasi terhadap Kementerian Pengajian Tinggi

Implikasi kajian ini boleh membantu pihak Kementerian Pengajian Tinggi untuk melihat samaada perkara ini merupakan keperluan mahasiswa terutama dalam mengawal kualiti akademik mereka agar sentiasa cemerlang dan tidak terjejas. Pihak Kementerian juga perlu menyediakan bantuan kewangan yang mencukupi kepada mahasiswa supaya mahasiswa dapat menampung kos perbelanjaan tanpa perlu bekerja semasa pengajian. Diharapkan juga pihak kementerian peka dengan masalah yang dihadapi mahasiswa dan berusaha mengatasi masalah ini sekiranya membebangkan mahasiswa.

Cadangan Kajian Lanjutan

Terdapat beberapa cadangan terhadap kajian akan datang:

1. Memperluaskan lagi sampel kajian, tidak tertakhlik kepada satu Institusi Pengajian sahaja untuk melihat adakah dapatannya masih sama atau berbeza.
2. Pengkaji mengkaji faktor-faktor lain yang tidak dikaji oleh penyelidik dalam kajian ini.

Kesimpulannya, isu mahasiswa bekerja sambilan dan implikasinya ke atas pendidikan mahasiswa bukanlah isu baru. Justeru pelbagai pihak yang berkaitan langsung dengan mahasiswa seperti ibu bapa, kementerian pendidikan dan pihak universiti harus mengambil peranan untuk mempastikan mahasiswa tidak hilang fokus terhadap pelajaran mereka. Namun, tindakan yang diambil dijangka tidaklah mudah kerana terdapat ibu bapa sendiri merestui anak-anak mereka bekerja sambilan, sementara majikan sukar diambil tindakan undang-undang kerana undang-undang itulah yang melindungi mereka.

Diharapkan juga dengan bekerja sambilan mahasiswa mampu membentuk personaliti baik, membina jati diri mahasiswa yang baru kerana kerja ini memerlukan mereka menepati masa, rajin bekerja, menurut arahan, dan menggunakan minda ketika berinteraksi dengan pelanggan. Mahasiswa yang dahulunya malas, tiada wawasan, tidak yakin diri dan sebagainya diharapkan berubah sebaik sahaja mereka bekerja secara sambilan ini.

Rujukan

- Awab Said. (2003). *Pelajar Bekerja Sambilan. Tinjauan di beberapa Sekolah Menengah di Kuala Lumpur*. Jurnal IPBA, 3(3): 74-86, Institut Perguruan Bahasa Antarabangsa, Kuala Lumpur.
- Awab Said & Sufean Hussin. (2006). *Pelajar Sekolah Menengah yang Bekerja Separuh Masa: satu tinjauan di Kuala Lumpur*. Jurnal Pendidikan, UM, page 166.
- Azizi Yahaya et al. (2006). *Menguasai Penyelidikan: Teori, Analisis & Interpretasi Data*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Berita Harian (2005), *PTPTN mampu keluar pinjaman baru*. Terbitan 17 Jun 2005.
- Brumfield, W. W. (2001). *The open gates: The rise of student loan indebtedness and the sosial processes of borrowing money in the pursuit of higher education*. Unpublished PhD, Louisiana State University.
- Bradley, G. (2006). *Work participation and academic performance: A test of alternative propositions*. Journal of Education and Work, 19(5): 481–501. <http://dx.doi.org/10.1080/13639080600988756>
- Callender, C., & Kemp, M. (2000). *Changing student finances: Income, expenditure and the take-up of student loans among full and part-time higher education students in 1998/99*. Retrieved Aug. 13, 2003, from <http://www.wpsw.co.uk/callender.htm>.
- Christie, H., Munro, M., & Rettig, H. (2001). *Making ends meet: Student incomes and debt*. Studies in Higher Education, 26(3): 363-383.
- Callender, C. (2008). The impact of term-time employment on higher education students' academic attainment and achievement. *Journal of Education Policy*, 23(4): 359–77. <http://dx.doi.org/10.1080/02680930801924490>
- Curtis, S. (2007). Students' perceptions of the effects of term-time paid employment. *Education and Training*, 49(5): 380–90. <http://dx.doi.org/10.1108/00400910710762940>
- Curtis, S., & Williams, J. (2002). The reluctant workforce: Undergraduates' part-time employment. *Education and Training*, 44(1): 5–10. <http://dx.doi.org/10.1108/00400910210416192>
- Ediagbonya, K. (2013). *Perceptions of Business Education Students on the Relevance of Entrepreneurship Education* at the Colleges of Education in Edo State. Unpublished Project Proposal Submitted to the Department of Vocational and Technical Education, Faculty of Education, University of Benin, Edo State.
- Finnie, R. (2002). Student loans, student financial aid and post-secondary education in Canada. *Journal of Higher Education Policy & Management*, 24(2): 155-170.
- Fauziah Abdul Ghani. (2003). Penglibatan Pelajar dalam Kerja Sambilan. Kajian di Sekolah Menengah Kuala Lumpur. *Latihan Ilmiah Universiti Malaya* (tidak diterbitkan).
- Fauzi Hussin, Jamali Ali, & Mohd Saifoul Zamzuri Noor. (2014). *Kaedah Penyelidikan dan Analisis data SPSS*. Penerbit UUM.
- Hall, R. (2010). The work-study relationship: experiences of full-time university students undertaking part-time employment. *Journal of Education and Work*, 23(5): 439-449. <http://dx.doi.org/10.1080/13639080.2010.515969>

- Henry, R., Weber, J., & Yarbrough, D. (2001). Money management practices of college students. *College Student Journal*, 35(2): 244-249
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1990). *Determining Sampel Size for Research Education and Psychological Measurement*. 30: 607-610
- Lane, K. (2003). How much is too much? *Community College Week*, 15: 6-9.
- Lundberg, C. A. (2004). Working and learning: The role of involvement for employed students. *NASPA Journal*, 41: 201-215.
- Manthei, R. & Gilmore, A. (2005). The effect of paid employment on university students' lives. *Education and Training*, 47(3): 202-15.
- Mashitah. (2011). Gaya Pembelajaran Pelajar dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Jurnal of Education and Counseling*, 2: 51-77.
- Metcalf, H. (2003). Increasing inequality in Higher Education: the role of term-time working. *Oxford Review of Education*, 29(3): 315-329.
<http://dx.doi.org/10.1080/03054980307447>
- Milman, A. (1999). Teenage employment in the hospitality industry: an exploratory study. *Journal of Hospitality and Tourism Research*, 23(2): 195-205.
- Mustafa Haji Daud. (1996). *Etika Pengurusan*, Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 23.
- Moreau, M. P., & Leathwood, C. (2006). Balancing paid work and studies: Working (-class) students in higher education. *Studies in Higher Education*, 31(1): 23–42.
- Nurshafenath Shaharuddin. (2009). *National Malaysian Youth Opinion Survey: Taking a Closer Look*. Retrieved August.5,2009, from <http://asiafoundation.org/in-asia/2009/08/05/national-malaysian-youth-opinion-survey-taking-a-closer-look/>
- Noor Azman Hassan. (2005). Hubungan Kerja Sambilan dengan Prestasi Akademik dan Penglibatan Aktiviti Sekolah di kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Tangkak, Johor. *Latihan Ilmiah Universiti Kebangsaan Malaysia* (tidak diterbitkan).
- Noraziah Ali, Ranimah Yusuf, & Hasnah Ali. (2008). Pola Bekerja Sambilan Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Di Daerah Melaka Tengah dan Implikasinya terhadap Prestasi Pembelajaran di Sekolah. *Journal of Social Sciences and Humanities (Jurnal e-bangi)*, 3(1).
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). Retrieved Dec.8, 2015, from <http://www.moe.gov.my>
- Portal Rasmi PTPTN, www.ptptn.gov.my
- Saunders, P., & Levin, E. (1974). *Student income and expenditure: The results of a survey at the University of Stirling. Bulletin*, 51- 66.
- Salwani Md Zain. (2016). Retrieved Feb. 3, 2016, from <http://www.sinarharian.com.my/kampus/cabaran-baharu-mahasiswa-1.481178>
- Tamar Jaya Nizar & Nor Syahidah Abdullah. (2010). Persepsi Pelajar Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam) terhadap Kerja Sambilan, page 1-10, Institut Repository, UTM, eprints.utm.edu.my
- Utusan Malaysia Online, 6 Ogos 2008.